

24 OCT 1997

KENYATAAN PERDANA MENTERI MENGENAI PASARAN SAHAM MEMANG BENAR, KATA GERAKAN

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Usaha bersama nampaknya dijalankan oleh pihak-pihak tertentu bagi merancang kejatuhan ekonomi negara-negara membangun di Asia Timur dengan berniat jahat.

Anggota Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan, Dr S. Vijayaratnam berkata kejatuhan pasaran saham bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia bahkan ia kini menular kepada Hong Kong.

"Sudah tentu ia tidak ada kena-mengena dengan dasar fiskal Kerajaan. kejatuhan pasaran saham Hong Kong membayangkan apa yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata memang benar," kata beliau dalam satu kenteraan.

Pasaran saham di Hong Kong menjunam ke paras lebih 1,200 mata semalam, menyebabkan tekanan jualan ke atas pasaran serantau dan Eropah.

Vijayaratnam berkata rakyat Malaysia dari segenap lapisan hidup sejak dua minggu lepas telah menunjukkan sokongan kepada kerajaan terutama kepada Dr Mahathir bagi mengatasi krisis kewangan dan mata wang yang dihadapi oleh negara.

Beliau menggesa rakyat Malaysia terus bersatu di belakang kerajaan dalam masa yang sukar ini sambil berkata cara terbaik untuk menunjukkan sokongan selain menyokong calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil di Sungai Bakap, Changkat Jering dan Kidurong. -- BERNAMA

RA FAZ